

KAEDAH BACAAN AL-QURAN TEKNIK *IQRA'* DAN *AL-BAGHDADI*

3.1 Pengenalan

Bab tiga disertasi ini akan memberi tumpuan kepada metodologi atau kaedah bacaan yang terdapat pada teknik *Iqra'* dan *Al-Baghdadi*. Di samping itu, penulis turut menyertakan bersama ciri-ciri dan sifat-sifat kedua-dua teknik yang dikaji sebagai makluman tambahan di dalam kajian ini.

3.2 Kaedah Bacaan al-Quran Teknik *Iqra'*

3.2.1 Pendahuluan

Sebagai pendahuluan, adalah baiknya sekiranya kita mengetahui mengenai istilah *Iqra'* yang menjadi tunggak utama ianya digunakan. Istilah ini diambil dari permulaan ayat surah al-'Alaq yang bermaksud 'baca'. Kaedah atau teknik *Iqra'* ini memberi maksud membaca al-Quran dengan cepat secara membunyikan terus huruf-huruf *Hijāiyyah* yang berbaris tanpa perlu mengejanya terlebih dahulu berpandukan kepada kaedah penulisan *Rasm Uthmāni*. Kaedah ini boleh juga dikatakan sebagai salah satu cara untuk mempelajari al-Quran dari segi mengenal bunyi dan membaca al-Quran secara pantas. Jangkaan bagi seseorang pelajar dapat mengenal dan membaca huruf-huruf *Hijāiyyah* al-Quran berdasarkan teknik ini adalah dalam masa di antara 3-6 bulan bagi kanak-kanak yang berumur 4-5 tahun.¹⁸⁸

¹⁸⁸ Ghazali Darussalam, *Pedagogi Pendidikan Islam* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2001), 248.

3.2.2 Ciri-ciri dan sifat-sifat buku *Iqra'*

Terdapat beberapa ciri-ciri atau sifat-sifat buku *Iqra'*¹⁸⁹, antaranya adalah seperti berikut:

1. *Bacaan Terus (tanpa analisa dan dieja)*: Dalam buku *Iqra'*, murid-murid tidak diperkenalkan terlebih dahulu kepada sebutan nama-nama huruf *Hijāiyyah* dan tanda-tanda bacaan. Sebaliknya mereka terus diperkenalkan kepada bunyi satu-satu huruf dengan menggunakan bahan pengajaran.
2. *Penggunaan Teks Tertentu*: Pengajaran dan pembelajaran teknik ini menggunakan satu set buku yang mengandungi 6 juzuk/naskah. Murid-murid akan menggunakannya mengikut tahap masing-masing bermula dari juzuk pertama. Buku ini disusun secara berjilid dengan kulit buku berwarna-warni yang harmoni sehingga mampu menarik minat. Tujuannya agar tidak menimbulkan rasa jemu dalam kalangan murid-murid.
3. *Teknik Pengajaran Cara Belajar Mudah Aktif (CBMA)*: Secara kebiasaan, yang belajar adalah murid, bukannya guru. Justeru, setelah guru menerangkan asas pengajaran dan murid sudah jelas serta mengulanginya beberapa kali secara *talaqqi mushāfahah*, maka murid akan diminta membaca sendiri bahan berikutnya.
4. *Talaqqi Mushāfahah*: Dalam mempelajari bacaan al-Quran, murid-murid mestilah berhadapan secara langsung dengan gurunya. Faktor inilah yang sangat ditekankan di dalam teknik ini supaya murid-murid dapat mengetahui dengan betul bagaimana sebutan *makhraj* dan sifat-sifat huruf yang sebenarnya.
5. *Tahap Berasaskan Pencapaian Individu*: Tahap pencapaian dan kelajuan murid dalam mengikuti bahan pengajarannya adalah bergantung kepada kecekapan individu murid itu sendiri dan juga peranan gurunya. Untuk penilaian dan pengesahan, rekod prestasi perlu disediakan seperti yang dicadangkan.

¹⁸⁹ Alwi, Adel dan Kamel, "Keberkesanan *Iqra'*", 4-5.

6. *Tenaga Pembimbing/Pembantu*: Seorang guru sebaiknya membimbing lima hingga enam orang murid sahaja dalam satu masa. Jika keadaan memerlukan, guru boleh mengambil murid tertentu untuk menjadi pembantu dan penyemak bagi murid-murid yang lain yang masih di peringkat bawah.
7. *Praktis*: Tujuan kaedah ini dibentuk adalah supaya murid dengan cepat dan mudah dapat membaca al-Quran. Oleh yang demikian, soal teori dan ilmu tajwid tidak diajar tetapi dipraktikkan sebutannya.
8. *Sistematik*: Buku ini disusun secara lengkap, sempurna dan terancang dengan bentuk huruf dan reka letaknya yang seimbang. Bermula daripada mengenalkan huruf-huruf pelbagai baris secara berperingkat sehinggalah kepada peringkat ayat yang bermakna. Ini adalah kerana prosesnya yang bersifat evolusi mampu menjadikannya terasa mudah.
9. *Komunikatif*: Lingkaran petunjuk dan pengenalan di dalam buku *Iqra'* adalah akrab dengan pembaca sehingga mampu memberikan keseronokan kepada mereka yang mempelajarinya. Turut disusun ke dalam Bahasa Melayu agar mudah difahami, sehingga ianya lebih berkesan. Selain itu, sejak awal-awal lagi murid-murid sudah diperkenalkan kepada pelajaran secara berirama (mad=panjang dan tanpa mad=pendek) sehingga terasa seronok dalam membaca dan mendengarnya.
10. *Kelenturan dan Mudah*: Buku ini boleh dipelajari oleh sesiapa, bermula dari kanak-kanak seawal usia pra sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah bahkan orang-orang dewasa mahupun para ibu bapa yang belum mahir membaca al-Quran akan dapat dan mampu membacanya. Malahan, murid-murid yang baru sahaja tamat jilid 2 atau jilid 3 sudah boleh mengajar murid yang masih di peringkat jilid 1. Dengan cara

ini, ianya akan dapat menambahkan keseronokan dalam suasana belajar serta mengajar.¹⁹⁰

11. *Menanam sifat keyakinan diri murid-murid dan membina kemahiran serta kepimpinan:*

Cara ini dilakukan dengan murid yang pandai akan membantu dan mengajar kumpulan murid yang lemah. Cara ini juga secara tidak langsung dapat mendidik kemahiran memimpin dan mempunyai sikap bertanggungjawab ke dalam diri murid-murid. Secara tidak langsung, murid yang lemah juga lama-kelamaan akan berusaha supaya mereka dapat menjadi murid yang pandai.¹⁹¹

12. *Menambah perbendaharaan bahasa dengan cepat:* Kaedah ini boleh juga menambah

perbendaharaan bahasa dengan cepat samada huruf atau perkataan dengan cara menyambung huruf-huruf *Hijāiyyah* dengan yang lain seterusnya membentuk tulisan. Ini merupakan satu tahap yang paling susah yang perlu dilalui oleh murid dalam mempelajari Bahasa Arab secara umumnya dan mempelajari bacaan al-Quran secara khususnya. Melalui kaedah ini juga akan dapat memberi peluang kepada murid-murid mengumpulkan perbendaharaan kata melalui hafalan huruf dan perkataan serta mampu membacanya dengan cara yang betul.¹⁹²

3.2.3 Prinsip kaedah mengajar *Iqra'*¹⁹³

Beberapa prinsip kaedah mengajar *Iqra'* telah disusun dan diatur oleh pengasas teknik ini di mana prinsip-prinsip kaedah mengajar tersebut adalah seperti berikut:

1. *Al-Ṭarīqah bi al-Tadarruj* iaitu sistem bertahap secara deduktif terhadap:

¹⁹⁰ *Ibid.*

¹⁹¹ *Ibid*, 5.

¹⁹² *Ibid.*

¹⁹³ Hj. As'ad Humam, *Iqra' Cara Cepat Belajar Membaca Al-Quran* (Buku 1, Selangor: Pustaka Dini, 2000), kulit belakang.

- *Al-Ṭarīqah min al-Adna ilā al-A'lā* iaitu daripada peringkat sederhana kepada peringkat yang susah.
 - *Al-Ṭarīqah min al-Ma'ruf ilā al-Majhul* (daripada peringkat yang sudah kenal kepada peringkat yang belum jelas). Contohnya mengenali huruf-huruf *Hijāiyyah* tunggal dahulu dan diikuti dengan huruf-huruf yang bersambung.
2. *Al-Ṭarīqah al-Ṣawtiyyah* iaitu pengajaran terus kepada bunyi (bacaan) tanpa mengenal nama huruf, tanpa dieja, dianalisis (terus membunyikan huruf-huruf yang berbaris tersebut tanpa diperkenalkan terlebih dahulu huruf-huruf dan barisnya).
 3. Teknik ini juga menggunakan teknik *Talaqqi* iaitu mengikut sebutan guru dan melihat pergerakan mulut guru serta *Mushāfahah* dengan cara mendengar secara teliti daripada bacaan guru.
 4. *Al-Ṭarīqah bi al-Muqāranah* iaitu membandingkan di antara huruf dengan *makhraj* yang seiras.
 5. *Al-Ṭarīqah bi al-Riyāḍiyyah al-Aḥfāl* iaitu memberikan lebih masa untuk latihan kepada murid-murid melalui Cara Belajar Murid Aktif (CBMA).
 6. *Al-Ṭarīqah bi al-Mushāfahah* iaitu mengutamakan tatapan muka atau berhadapan dengan guru.
 7. *Al-Ṭarīqah bi al-Kalām al-Ṣarih* iaitu responsif atau memantapkan perkataan yang jelas.
 8. *Al-Ṭarīqah bi al-Targhīb wa al-Tarhīb* iaitu memberi dorongan dan semangat serta pujian dengan peringatan yang lembut.
 9. *Al-Ṭarīqah al-Tawassu' bi al-Maqāṣid* iaitu guru boleh menggunakan alat bantu mengajar untuk mencapai objektif pengajaran.

10. *Al-Ṭarīqah al-Muḥākamah* iaitu sistem mengikut atau meniru secara langsung apa yang disebut oleh guru.
11. *Al-Ṭarīqah al-Tarkibiyah* iaitu sistem latihan mengikut tanda harakat atau mengikut susunan.
12. *Al-Ṭarīqah bi al-Waṣilah* iaitu menggunakan alat bantuan seperti kaset, video, gambar dan sebagainya.

3.2.4 Teknik-teknik bacaan yang terkandung di dalam buku *Iqra* ¹⁹⁴

Di dalam mengajar teknik atau kaedah *Iqra*’, terdapat pula beberapa teknik bacaan yang secara tidak langsung terkandung di dalamnya. Teknik-teknik tersebut adalah seperti berikut:

1. Teknik *al-Ṭarīqah bi al-Tadrīs* iaitu guru membaca terlebih dahulu dan murid akan mengikutinya secara kelas.
2. Teknik *al-Riyāḍhiyah al-Tikrār* iaitu bacaan secara latih tubi.
3. Teknik *al-Tawāsi’ bi al-Maqāṣid* iaitu teknik pengajaran beserta bahan bantu mengajar.
4. Teknik *al-Ṭarīqah bi al-Ṣawtiyyah* iaitu membaca dengan sebutan dan intonasi yang betul serta jelas.
5. Teknik *Tahqīq* iaitu bacaan secara terputus-putus.
6. Teknik *Jahar* iaitu membaca dengan menyambung terus huruf demi huruf dan ayat demi ayat.
7. Teknik *Tartīl* iaitu membaca secara lancar tetapi betul bacaannya.
8. Teknik *Tadwīr* iaitu membaca secara menghafaz tanpa tersekat-sekat.

¹⁹⁴ Suryati Md. Yasin, Kaedah P&P Dalam Al-Qur’an (Kaedah 2-Kaedah Iqra’), dicapai 15 Oktober 2012, <http://sesinarsuria.blogspot.com/2009/10/kaedah-p-kaedah-iqra.html>

9. Teknik *al-Ṭarīqah bi al-Riyāḍiyyah al-Asfāl* iaitu menyusun huruf dan ayat secara latih tubi tanpa hafazan.
10. Teknik *al-Ṭarīqah min al-Ma'rūf ilā al-Majhul* iaitu teknik mengenal huruf-huruf *Hijāiyyah* tunggal dahulu kemudian diikuti dengan huruf-huruf yang bersambung.
11. Teknik *al-Ṭarīqah min al-Asfāl ilā al-A'lā* iaitu teknik membaca bacaan yang mudah terlebih dahulu diikuti dengan bacaan yang sukar.

3.2.5 Kaedah Buku *Iqra'* 1, 2, 3, 4, 5 dan 6¹⁹⁵

Buku *Iqra'* karangan al-Marhum Ustaz Hj. As'ad Humam mengandungi 6 jilid yang mencakupi kesemua sukatan belajar membaca al-Quran. Setiap jilid di dalam buku *Iqra'* disusun secara bertahap. Dimulakan dengan barisan huruf, perkataan atau ayat sebagai pengenalan, manakala di barisan tengah pula adalah sebagai latihan. Sebagai pengukuhan, ujian atau penilaian disusun di bahagian akhir buku ini. Justeru, kupasan lanjut mengenai kaedah pengajaran dan pembelajaran setiap jilid di dalam buku *Iqra'* akan penulis bincangkan dengan lebih lanjut di dalam bab ini.

Buku *Iqra'* 1 mengandungi sebanyak 32 halaman. Setiap jilid di dalam buku *Iqra'* akan dimulakan dengan panduan mengajar yang telah disusun oleh pengasas buku ini. Bagi buku *Iqra'* jilid 1 mengandungi 8 tataraca mengajar¹⁹⁶ yang telah ditentukan. Ia juga

¹⁹⁵ Hj. As'ad Humam, *Iqra' Cara Cepat Belajar Membaca al-Quran Rasm Uthmani* (cet. Ke-2, Shah Alam, Selangor: Darul Kutub Sdn. Bhd, 2004).

¹⁹⁶ Panduan Mengajar Buku *Iqra'* 1: (1) Kaedah Mengajar. 1.1) Cara Mengajar Murid Aktif-Guru sebagai pemudah cara dan hanya memberikan contoh sahaja. 1.2) Guru menyemak seorang demi seorang. 1.3) Murid yang cerdas membantu murid yang lemah. Catatan: Sekiranya perlu, murid-murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan mengikut kemampuan. (2) Guru hanya memberikan contoh bacaan, tidak memberikan ulasan. (3) Sekiranya murid-murid sudah boleh membaca dengan betul maka guru tidak perlu mengulanginya lagi. (4) Sekiranya murid-murid masih keliru membaca huruf yang pendek dengan bacaan yang panjang, guru perlu memperbetulkan dengan segera dan jelas. (5) Sekiranya murid-murid masih keliru membaca huruf-huruf tertentu, guru hendaklah membetulkannya dengan cara berikut: 5.1) Isyarat seperti kata-kata 'Eh! Eh!' atau 'Hati-hati!!' dan sebagainya. Jika murid-murid masih keliru juga, guru perlu memberi titian ingatan seperti lupa membaca bunyi (◌), guru mengingatkan titiknyanya sahaja, bila tiada titiknyanya dibaca (◌) dan sekiranya murid-murid masih lupa juga, guru perlu menunjukkan bacaan yang sebenar. (6) Buku 1 ini memberi pengenalan sebutan bunyi huruf *fathah*, murid-murid menguasai buku 1 sahaja layak dipindahkan ke

mengandung kemahiran membunyikan huruf baris satu di atas (*fathah*) bermula dengan huruf Alif dan Ba serta diakhiri dengan huruf Ya'. Setiap halaman yang bermula dengan huruf baru akan disertakan bersama huruf-huruf *Hijāiyyah* sebelumnya sebagai pengukuh daya ingatan murid-murid.

Sebanyak 30 halaman pengajaran dimuatkan di dalam buku *Iqra'* jilid 2 ini. Ianya merupakan pembelajaran yang ditekankan ke atas huruf *Hijāiyyah* yang berbaris *fathah* dan bersambung dengan huruf-huruf *Hijāiyyah* lain. Buku *Iqra'* jilid 2 ini menyediakan 6 panduan mengajar.¹⁹⁷ Pembelajaran di dalam buku *Iqra'* jilid 2 memberi penekanan terhadap huruf-huruf *Hijāiyyah* bersambung berbaris *fathah* serta perbezaan tulisan huruf-huruf *Hijāiyyah* berbaris *fathah* apabila kedudukannya berada di tengah dan di akhir perkataan. Murid-murid juga akan diajar membaca bacaan *mad*. Bacaan dengan gaya nasyid juga digalakkan dan begitulah seterusnya. Untuk penilaian, arahan yang diberikan adalah 'bila bacaan telah betul *makhrajnya*, maka bolehlah dipindahkan kepada buku *Iqra'* jilid 3'.

Di dalam buku *Iqra'* jilid 3, penekanan diberikan pula terhadap huruf-huruf *Hijāiyyah* berbaris bawah (*kasrah*) dan hadapan (*dammah*). Walaubagaimanapun, huruf-huruf *Hijāiyyah* berbaris *fathah* tetap disertakan bersama huruf-huruf *Hijāiyyah* bersambung yang berbeza tanda baris. Selanjutnya pula adalah mengenai hukum *mad* berbaris *kasrah* dan *dammah* dengan $\ddot{ب}$ dan $\dot{ب}$ sebagai pengenalan. Murid-murid juga

buku 2 walaupun murid-murid kurang fasih menyebut bunyi huruf-huruf tertentu. (7) Murid-murid yang cepat menguasai bolehlah dipindahkan ke halaman berikutnya tanpa menghabiskan halaman berkenaan. (8) Penilaian - Guru berkenaan sebagai pengujinya. *Ibid*, Jil. 1, vii.

¹⁹⁷ Panduan Mengajar Buku *Iqra'* 2: (1) Panduan mengajar buku 1 semuanya digunakan dalam pengajaran buku 2. (2) Huruf-huruf yang diulang dalam buku 1 boleh diulang semula semasa belajar buku 2 supaya lebih sempurna. (3) Guru tidak perlu menerangkan huruf-huruf yang disambung contohnya: $\dot{بَـ}$ (Ba' di awal) dan $\ddot{بُـ}$ (Ba' di akhir) $\dot{بِـ}$ (Ba' di tengah) kerana biasanya murid-murid sudah boleh memahami dan membacanya. (4) Mulai muka surat 14, guru memperkenalkan bacaan *mad* supaya jelas perbezaan antara panjang dan pendek. (5) Huruf-huruf yang bersambung bolehlah dibaca secara terputus-putus. (6) Mulai muka surat 14, sekiranya murid-murid masih keliru tentang bacaan panjang pendek, guru perlu menegur mengapa dibaca sedemikian. *Ibid*, Jil. 2, vii.

didedahkan kepada huruf Alif yang ada pada tulisan tetapi tiada dalam bacaan seperti قَالُوا dan فَإِذَا رَكِبُوا . Sebanyak 30 halaman pengajaran yang terdapat di dalam buku ini dan 4 panduan mengajar¹⁹⁸ disediakan.

Buku *Iqra'* jilid 4 mengandungi sebanyak 30 halaman. Penumpuan pengajaran di dalam buku ini adalah kepada baris *tanwīn* di atas, *tanwīn* di bawah dan *tanwīn* di hadapan. Begitu juga terhadap pembelajaran mengenal, menyebut dan membunyikan huruf-huruf *Hijāiyyah fathah* yang bertemu dengan huruf Waw berbaris mati (*sukūn*), bacaan yang mengandungi hukum Nun mati dan Mim mati, seterusnya bacaan yang mengandungi hukum *Izhār Ḥalqī* serta *qalqalah*. Sebanyak 6 paduan mengajar¹⁹⁹ yang disediakan untuk mengajar buku *Iqra'* jilid 4 ini.

Sebanyak 30 halaman juga dimuatkan di dalam buku *Iqra'* jilid 5. Secara keseluruhannya, pengajaran di dalam buku ini adalah mengulangkaji pelajaran-pelajaran sebelumnya dan disertakan bersama pengajaran kepada sebutan huruf yang dianggap tiada pada bacaan, bacaan huruf yang bertanda *sabdu*, cara bacaan *waqaf* bagi huruf yang mengandungi baris *tanwīn* serta bacaan terhadap kalimah yang mengandungi hukum

¹⁹⁸ Panduan Mengajar Buku *Iqra'* 3: (1) Panduan mengajar buku 1 bilangan 1,2,3,4,7,8 dan buku 2 bilangan 4,6 boleh digunakan sebagai panduan untuk buku 3. (2) Apabila murid-murid selalu memanjangkan bacaan yang sepatutnya pendek kerana mengingatkan huruf berikutnya, maka tegurlah dengan membacanya dengan terputus-putus, kalau perlu huruf berikutnya hendaklah ditutup sementara. (3) Guru tidak boleh memberi contoh-contoh yang sukar diikuti oleh murid-murid. (4) Sekiranya murid-murid mengulang-ulang bacaan kalimah yang sama, maka tegurlah dengan perkataan seperti: “وماّ ada berapa perkataan?”. Kerana bacaan yang sudah betul tidak boleh diulangi lagi. *Ibid*, Jil. 3, vii.

¹⁹⁹ Panduan Mengajar Buku *Iqra'* 4: (1) Panduan mengajar buku 1 bilangan 1,2,8 dan buku 2 bilangan 6 serta buku 3 bilangan 3 dan 4 masih boleh lagi diaplikasikan untuk buku 4. (2) Mulai buku 4, bolehlah diperkenalkan nama-nama huruf (sila rujuk buku 1 halaman 32) dan tanda-tanda seperti *ḍammah* = ُ, *kasrah* = ِ, *fathah* = َ, *tanwīn* = ً dan *sukūn* = ْ . (3) Sekiranya berlaku kekeliruan bacaan samada di tengah atau di akhir kalimah, guru hanya perlu memperbetulkan yang keliru itu sahaja. (4) Untuk memudahkan ingatan huruf-huruf *qalqalah*, bolehlah dengan singkatan قطب جد . (5) Halaman 1, 7, 9, 17 dan 21 bolehlah dibaca secara alunan yang sesuai dengan beramai-ramai untuk menambahkan minat murid-murid. (6) Untuk menentukan bacaan yang betul pada halaman 21 (*hamzah sukūn* dan sebagainya), murid-murid dibimbing membaca dengan baris *fathah* dahulu secara berulang-ulang, kemudian barulah diamati seperti contoh تَك = تَكْ = تَكْ . *Ibid*, Jil. 4, vii.

Idghām, *Ikhfa'* dan *Mad* yang melebihi dua harakat. Turut diajar adalah bacaan yang mempunyai hukum Alif Lam Shamsiyyah dan Alif Lam Qamariyyah. Buku *Iqra'* jilid 5 menyediakan 5 panduan mengajar²⁰⁰.

Buku *Iqra'* jilid 6 mengandungi 30 halaman. Terdapat 6 panduan mengajar²⁰¹ buku *Iqra'* jilid 6 ini. Pengajaran di dalam buku jilid terakhir ini merangkumi hukum *Nun Mati* dan *Tanwīn (Izhār Ḥalqi)* juga latih tubi potongan ayat-ayat pendek yang merangkumi pelajaran-pelajaran sebelumnya. Begitu juga pelajaran membunyikan huruf sekiranya hendak di*waqaf*kan. Turut diajarkan adalah bacaan *waqaf* pada huruf *qalqalah* yang bertashdīd yang cara sebutannya perlulah dibunyikan *qalqalah* secara lebih berat. Manakala sebelum dilakukan penilaian, murid-murid akan diperkenalkan huruf-huruf *Hijāiyyah* di awal surah dengan bacaan yang betul mengikut hukum tajwid. Setelah murid-murid telah dapat menguasai cara bacaan huruf-huruf *Hijāiyyah* di awal surah, mereka akan dinilai dengan membaca surah Luqmān ayat 1-10 dan surah al-Baqarah ayat 285-286. Apabila murid telah dapat membaca dengan baik dan dinilai lulus oleh guru, maka mereka boleh meneruskan pengajian bacaan al-Quran bermula juzuk satu sehingga khatam dengan menggunakan al-Quran *Rasm Uthmāni*.

²⁰⁰ Panduan Mengajar Buku 5: (1) Panduan mengajar buku 1 bilangan 1, 2, 3, 8 dan buku 2 bilangan 6, buku 3 bilangan 3 dan 4 dan buku 4 bilangan 3 kesemuanya boleh diikuti di dalam buku 5. (2) Halaman 27 (surah al-Mu'minūn ayat 1-11) seeloknya digalakkan murid-murid menghafaz dan memahami maksudnya. (3) Sistem tadarus boleh diperkenalkan kepada murid-murid yang sama taraf pencapaiannya. (4) Murid-murid tidak perlu diperkenalkan kepada istilah-istilah tajwid seperti *idghām*, *ikhfa'*, *mad* dan sebagainya, yang penting murid-murid dapat menguasai bacaan dengan betul. (5) Halaman 14-17 boleh dibaca secara alunan yang sesuai secara beramai-ramai untuk menambahkan minat murid-murid. *Ibid*, Jil. 5, vii.

²⁰¹ Panduan Mengajar Buku *Iqra'* 6: (1) Panduan mengajar buku 1 bilangan 1, 2, 8 dan buku 2 bilangan 6, buku 3 bilangan 4, buku 4 bilangan 3 dan buku 5 bilangan 3 dan 4 kesemuanya boleh digunakan bagi buku 6. Bahan di halaman penilaian buku 6 hendaklah dihafaz dan difahami maksudnya. (2) Walaupun pelajar telah berpindah ke buku 6, namun panduan membaca lambat asalkan betul hendaklah dipatuhi kerana pelajar akan dapat menguasainya setelah mereka membaca bahagian seterusnya. (3) Cara bacaan yang menyusahkan tidak digalakkan walaupun dengan bacaan *tartil*. (4) Catatan: Pengajaran buku 1-6, pelajaran tajwid diajarkan secara tidak langsung, walaubagaimanapun, murid-murid mampu membaca secara bertajwid. *Ibid*, Jil. 6, vii.

3.2.6 Kaedah buku Ilmu Tajwid Cara Mudah dan Berkesan²⁰²

Buku Ilmu Tajwid Cara Mudah dan Berkesan merupakan lanjutan dari enam jilid buku *Iqra'* (Cara Cepat Belajar Baca Al-Quran) oleh Ustaz Hj. As'ad Humam. Menurut pengasas teknik ini, buku Ilmu Tajwid Cara Mudah dan Berkesan perlulah dipelajari oleh setiap murid yang telah berjaya menamatkan buku *Iqra'* jilid 6 serta amat bermanfaat untuk dipelajari oleh sesiapa sahaja secara praktikal.²⁰³

Buku ini mengandungi 21 bab atau pelajaran. Sebelum pelajar diajar mengenai hukum tajwid satu persatu, mereka diperkenalkan dahulu tentang bacaan secara *tartīl*, kaedah memulakan bacaan al-Quran (*Istiftāh*), kaedah menyambung bacaan di antara dua surah dan cara sebutan huruf *Hijāiyyah* yang betul. Setelah itu, pelajaran dimulai dengan pelajaran 1 iaitu *Makhrāj* Huruf. Pembelajaran diteruskan kepada pelajaran 2; hukum Nun mati dan tanwīn, pelajaran 3; hukum Mim mati, pelajaran 4; pembahagian *Idghām*, pelajaran 5; bacaan tebal dan nipis, pelajaran 6; bacaan *Imālah*, pelajaran 7; bacaan *Isymām*, pelajaran 8; bacaan *Naql*, pelajaran 9; bacaan *Tashīl*, pelajaran 10; bacaan *Saktah*, pelajaran 11; Shad dibaca dengan Sin, pelajaran 12; Mad Fathah dibaca pendek, pelajaran 13; Waw dianggap tidak ada pada bacaan, pelajaran 14; Nun Iwad/Washal (Nun pengganti/penyambung), pelajaran 15; pembahagian Mad atau bacaan panjang.

Pelajaran diteruskan kepada pembahagian Qalqalah menerusi pelajaran 16, sujud tilawah pula diajar dalam pelajaran 17, pelajaran 18; sifat-sifat huruf, pelajaran 20; Huruf Qamariah dan Syamsiah dan diakhiri dengan pelajaran 21 mengenai tanda-tanda Waqaf. Secara keseluruhan, penulis berpendapat buku ini amat baik dan mencakupi kesemua sukatan pelajaran ilmu Tajwid serta amat praktikal untuk diaplikasi oleh setiap individu.

²⁰² Hj. As'ad Humam, *Ilmu Tajwid Cara Mudah dan Berkesan*, (cet. Pertama, Petaling Jaya, Selangor: Pustaka Dini, 1994).

²⁰³ *Ibid*, ix.

3.2.7 Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran teknik *Iqra'* di SK Segambut, KL

Seperti kebiasaan pelaksanaan kelas tasmik Modul Al-Quran di SK Segambut, KL, pelajar-pelajar akan dibahagikan mengikut tahap pencapaian masing-masing berdasarkan kemampuan bacaan al-Quran mereka. Di dalam sesi ini, guru akan memandu bacaan *Iqra'* setiap pelajar secara *Talaqqi Mushāfahah* manakala pelajar yang masih lemah tahap penguasaan mereka pula akan dibimbing oleh guru sehingga mahir. Turut diaplikasi adalah kaedah 'murid turus' di mana pelajar yang telah dapat menguasai mana-mana tahap pembelajaran di dalam buku *Iqra'* akan diminta membantu menyemak bacaan pelajar yang lemah.²⁰⁴ Hal yang demikian menepati ciri-ciri atau sifat-sifat buku *Iqra'* sepertimana yang telah penulis jelaskan sebelum ini.

3.2.8 Bahan Bantu Mengajar Teknik *Iqra'*²⁰⁵

Tidak dinafikan bahawa penggunaan bahan bantu mengajar mampu memberikan impak yang besar terhadap keberhasilan pengajaran dan pembelajaran sesuatu mata pelajaran yang diajarkan. Begitu juga guru-guru j-QAF di SK Segambut, KL turut tidak ketinggalan menyediakan bahan bantu mengajar untuk mengajar mata pelajaran Modul Al-Quran. Antara bahan bantu mengajar Modul Al-Quran yang disediakan adalah:

3.2.8 (a) LCD

Penggunaan LCD yang mempersembahkan *slide power point* sukatan buku *Iqra'* turut dimuatkan dalam pengajaran teknik *Iqra'* di SK Segambut, KL. Ini adalah sebagai salah satu daripada bahan bantu mengajar yang disediakan di atas alternatif pihak guru j-QAF kepada murid-murid. Bahan bantu mengajar sebegini akan membantu murid-murid

²⁰⁴ Ustazah Salwani binti Hashim (Guru j-QAF SK Segambut, KL), dalam temubual dengan penulis, 5 Januari 2013.

²⁰⁵ En. Mohd. Zaidee Arippin (Penyelaras j-QAF SK Segambut, KL), dalam temubual dengan penulis, 12 Disember 2012.

memahami pengajaran *Iqra'* berpandukan buku teks *Iqra'* yang disediakan. Kebiasaannya, penggunaan alat bantu mengajar seperti LCD ini akan digunakan terhadap kumpulan pelajar yang benar-benar lemah dalam menguasai kemahiran belajar membaca al-Quran menggunakan teknik *Iqra'*.²⁰⁶

3.2.8 (b) Kad Imbasan

Kad imbasan yang mengandungi sukatan pengajian teknik *Iqra'* turut disediakan di atas alternatif guru-guru j-QAF di SK Segambut, KL juga. Kedua-dua bahan bantu mengajar yang disediakan ini hanyalah akan digunakan kepada murid-murid yang begitu lemah dan belum mampu mengenal huruf-huruf *Hijāiyyah* lagi.

3.2.8 (c) Quran Digital

Guru-guru j-QAF di SK Segambut, KL turut menggunakan Quran Digital sebagai bahan bantu mengajar mereka. Ini adalah bagi memastikan kepelbagaian bahan bantu mengajar yang disediakan dapat membantu mengukuhkan lagi visualisasi pelajar khususnya bagi mata pelajaran Modul Al-Quran seterusnya bagi mengelakkan pelajar merasa jemu terhadap mata pelajaran ini.²⁰⁷

3.2.8 (d) CD *Iqra'*

Guru-guru j-QAF SK Segambut, KL turut menggunakan CD *Iqra'* yang dibekalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia keluaran Darul Fikir sebagai daya penarik kepada murid-muridnya. Sudah pastinya sesi pengajaran dan pembelajaran akan bertambah ceria dan menyeronokkan. Di atas alternatif pihak guru-guru j-QAF SKSKL juga, mereka turut

²⁰⁶ *Ibid.*

²⁰⁷ *Ibid.*

memuat turun bahan dari *youtube* berbentuk nasyid animasi Alif Ba Ta bagi mengukuhkan lagi pengamatan murid-murid terhadap mata pelajaran Modul Al-Quran.²⁰⁸

3.2.9 Penulisan Semula Huruf-huruf *Hijāiyyah* Dan Kalimah

Penulisan semula huruf-huruf *Hijāiyyah* dan kalimah-kalimah dari al-Quran juga turut dilakukan di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran matapelajaran al-Quran khususnya kepada murid-murid Tahun Satu SK Segambut, KL. Menurut kebiasaannya, aktiviti ini dilakukan secara latih tubi di mana guru akan menulis huruf-huruf *Hijāiyyah* tertentu berpandukan sukatan Rancangan Tahunan Pendidikan Islam Tahun Satu²⁰⁹ di papan putih kemudian disalin oleh murid-murid di dalam buku tulis masing-masing. Ada juga dalam kalangan guru-guru yang menulis di buku latihan murid-murid seterusnya disalin semula oleh murid-murid.²¹⁰ Latih tubi sebegini adalah perlu bagi mengukuhkan lagi pengecaman murid-murid terhadap permulaan pengenalan huruf-huruf *Hijāiyyah*.

3.2.10 Pengulangan Huruf, Perkataan atau Ayat Yang Dibaca

Sukatan Rancangan Tahunan Pendidikan Islam Tahun Satu KSSR turut menyediakan cadangan aktiviti pengajaran dan pembelajaran Modul Al-Quran terutamanya terhadap pengulangan huruf *Hijāiyyah* atau perkataan. Seperti contoh guru mengarahkan murid-murid menyebut dan membaca huruf-huruf *Hijāiyyah* tunggal berbaris satu di atas di dalam sesi pembelajaran al-Quran. Objektifnya adalah supaya murid-murid mampu mengenal dan menyebut huruf tunggal berbaris satu di atas di samping mampu membandingkan perbezaan huruf tunggal yang hampir sama dengan *makhraj* bacaan yang betul. Rancangan Tahunan tersebut turut mengarahkan guru untuk mengingatkan murid-murid agar membuat

²⁰⁸ *Ibid.*

²⁰⁹ Kementerian Pelajaran Malaysia, “Rancangan Tahunan Pendidikan Islam Tahun Satu” (Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam, 2010), 1.

²¹⁰ Ustazah Salwani binti Hashim (Guru j-QAF SK Segambut, KL), dalam temubual dengan penulis.

latihan bacaan *Iqra'* di rumah.²¹¹ Latih tubi yang berterusan adalah perlu bagi mendapatkan kesan positif terhadap sesuatu mata pelajaran khususnya bagi mata pelajaran al-Quran.

3.2.11 Peruntukan Bilangan Jam Yang Diajar

Peruntukan bilangan jam kelas Al-Quran murid Tahun Satu adalah selama 1 jam seminggu iaitu 30 minit bagi satu waktu pembelajaran. Baki 1 jam lagi diperuntukkan untuk kelas Modul Al-Quran. Manakala bagi tahun 2 hingga tahun 6, pelaksanaan kelas tasmik dilaksanakan pada waktu tasmik di luar sesi persekolahan²¹² iaitu 30 minit selepas sesi persekolahan berakhir. Ini bermakna tempoh bilangan jam bagi Tahun Dua hingga Tahun Enam adalah selama 30 minit seminggu. Walaubagaimanapun, murid-murid Tahun Dua hingga Tahun Enam turut mempelajari pengajian Modul Al-Quran yang dilaksanakan di dalam sesi persekolahan selama 1 jam seminggu mengikut jadual masing-masing.

3.3 Kaedah Bacaan al-Quran Teknik *Al-Baghdadi*

3.3.1 Pendahuluan

Kaedah belajar al-Quran menggunakan teknik *Al-Baghdadi* merupakan pembelajaran membaca al-Quran yang inovatif dan kreatif sepertimana yang pernah penulis maklumkan sebelum ini. Istimewanya teknik ini adalah ianya menggunakan 'alat ketuk' yang akhirnya memberikan intonasi ketukan seragam seiring dengan sebutan huruf-huruf *Hijāiyyah* atau potongan-potongan ayat berdasarkan sukatan pelajaran yang telah disusun.

Menariknya, metodologi bacaan al-Quran teknik *Al-Baghdadi* adalah menggunakan Teknik Intonasi iaitu dengan memberikan bacaan **satu huruf bersamaan dengan satu**

²¹¹ Kementerian Pelajaran Malaysia, "Rancangan Tahunan Pendidikan Islam Tahun Satu", 1.

²¹² Pelaksanaan kelas tasmik Tahun Dua hingga Tahun Enam di SK Segambut, KL dilaksanakan di luar sesi persekolahan bermula tahun 2013. Temubual bersama Ustazah Salwani.

intonasi ketukan. Di samping itu, terdapat tiga mekanisma yang perlu dititikberatkan di dalam pelaksanaan pembelajaran teknik *Al-Baghdadi* seperti berikut:

- i. Guru perlu menekankan pengenalan bunyi bacaan bagi setiap huruf yang diperkenalkan.
- ii. Guru akan memperkenalkan bacaan yang disertakan dengan intonasi ketukan sambil menggunakan alat ketuk.
- iii. Pengajaran diakhiri dengan bacaan bunyi-bunyi yang dipelajari tanpa menggunakan alat ketuk.²¹³

Penjelasan lanjut akan penulis huraikan terhadap setiap bahan-bahan bantu mengajar yang direka khusus untuk mempelajari teknik ini di dalam kupasan yang selanjutnya.

3.3.2 Objektif Teknik *Al-Baghdadi* Diperkenalkan²¹⁴

Menurut pengasas teknik ini, objektif teknik *Al-Baghdadi* diperkenalkan adalah:

- i. Menyediakan satu teknik pembelajaran al-Quran yang boleh diserapkan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (P&P) dengan ciri-ciri seperti berikut:
 - Mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan.
 - Merangsang daya kreativiti dan perkembangan pelajar.
 - Menarik minat pelajar.
 - Meningkatkan daya tumpuan.
 - Mencungkil rasa ingin tahu.
 - Memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran.

²¹³ Jalaluddin dan Arlinda, "Teknik *Al-Baghdadi*", 9.

²¹⁴ *Ibid*, 2.

- ii. Mewujudkan pembelajaran al-Quran yang sistematik dengan mengaplikasikan sistem SAS (Struktur, Analisis dan Sintesis) yang terbukti berkesan dalam sesi P&P.
- iii. Melahirkan generasi yang boleh membaca al-Quran seawal usia dalam masa yang singkat tidak lebih daripada tiga bulan dan boleh mengajarkannya kepada orang lain.
- iv. Mewujudkan sistem pembelajaran al-Quran secara kelas dengan memanfaatkan sepenuhnya masa pembelajaran yang diperuntukkan.
- v. Memberikan satu modul yang jelas dan lengkap dari segi pedagogi dan metodologinya sebagai panduan pendidik.
- vi. Praktikal dalam mencapai hasrat mantan Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi yang inginkan pelajar bukan sahaja boleh membaca al-Quran bahkan boleh khatam al-Quran di peringkat sekolah rendah lagi.

3.3.3 Ciri-ciri dan sifat-sifat teknik *Al-Baghdadi*²¹⁵

Setiap teknik bacaan al-Quran yang diasaskan sudah pastinya mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri. Begitu juga dengan teknik *Al-Baghdadi*. Justeru, di antara ciri-ciri dan sifat-sifat teknik *Al-Baghdadi* adalah:

- a. *Pembelajaran Secara Kelas*: Kaedah pembelajaran teknik *Al-Baghdadi* adalah berbeza dengan kaedah pembelajaran al-Quran yang lain di mana teknik ini boleh dilakukan dalam bentuk kelas dengan memanfaatkan sepenuhnya masa yang diperuntukkan. Umpamanya sesi pembelajaran dipenuhi dengan pelbagai aktiviti mengikut sukatan pelajaran. Ini kerana, dengan menggunakan alat ketuk sebagai alat bantu mengajar, ianya akan memudahkan tugas tenaga pengajar bagi menyelia sepenuhnya kelas pengajaran. Penyamaan ketukan menggunakan mekanisme seperti yang disebutkan dari sekecil-kecil bilangan kumpulan sehingga kepada keseluruhan kelas berupaya

²¹⁵ *Ibid*, 12-14.

memberikan satu latih tubi yang unik dan kreatif serta mengisi keseluruhan keperluan pembelajaran al-Quran yang berkesan dengan keterlibatan pelajar, bahan dan guru secara serentak.²¹⁶

- b. *Pembelajaran Merentas Kurikulum*: Buku Tamhid Al-Baghdadi tidak disusun seperti mana lazimnya kaedah lain. Seperti contoh, pelajaran pertama terus sahaja diperkenalkan dengan sebuah kalimah yang sekaligus memperkenalkan kombinasi tiga huruf daripada 28 huruf yang boleh menerima tanda bacaan. Tiga huruf ini dipersembahkan dalam bentuk SAS (Struktur, Analisis dan Sintesis).
- c. *Peranan otak dan kaitannya dengan penumpuan pembelajaran al-Quran menggunakan teknik Al-Baghdadi*: Menerusi teknik *Al-Baghdadi*, penekanan terhadap ritma-ritma dalam muzik yang diperkenalkan sebagai intonasi bagi mendisiplinkan bacaan dan diiringi dengan ketukan (gerakan) secara tidak langsung akan mengaktifkan kedua-dua hemisfera otak. Kemahiran tersebut merangsang kreativiti pelajar dan mewujudkan tumpuan yang tinggi terhadap pembelajaran sehingga menyebabkan pelajar mampu mengingat pelajaran yang diajar.
- d. *Teknik Al-Baghdadi Mengasah Psikomotor*: Teknik *Al-Baghdadi* melibatkan kemahiran kognitif sepertimana perlu kayu ketuk tersebut diketuk, ketukan yang perlu disesuaikan dengan bacaan, pertimbangan terhadap satu huruf yang mempunyai hak satu intonasi ketukan dan sebagainya serta kemahiran motor seperti menggerakkan kayu ketuk tersebut. Justeru, pelajar yang diterapkan dengan teknik *Al-Baghdadi* akan merasa seronok dan mengingat apa yang mereka pelajari.²¹⁷

²¹⁶ *Ibid.*

²¹⁷ *Ibid.*

3.3.4 Kaedah Buku Tamhid Al-Baghdadi

Buku Tamhid Al-Baghdadi merupakan Bahan Kemahiran Asas Membaca al-Quran teknik *Al-Baghdadi*, mengandungi 11 bab pembelajaran yang menekankan 6 prinsip asas²¹⁸ yang perlu dikuasai oleh seseorang bagi membolehkan mereka membaca al-Quran. Buku senipis 27 halaman ini mampu memberi impak yang besar terhadap penguasaan para pelajar dalam pembelajaran al-Quran dan ianya mencakupi keseluruhan sukatan pelajaran membaca al-Quran. Buku ini terdapat di dalam dua versi.²¹⁹ Menariknya buku ini adalah kerana kandungan halaman buku ini turut diserikan dengan 3 kombinasi warna iaitu putih, hitam dan merah.²²⁰ Buku Tamhid Al-Baghdadi tidak disusun sepertimana lazimnya kaedah bacaan al-Quran lain. Jika diperhatikan, pelajaran 1 hingga pelajaran 5 buku ini mengandungi 14 huruf *Hijāiyyah* yang termasuk di dalam kelompok Bahasa Melayu iaitu pada huruf س، ج، د، م، هـ، ر، و، ك، ل، ن، ب، ت، أ، ي manakala baki 14 huruf *Hijāiyyah* yang lain merupakan huruf-huruf yang dipinjam dari perkataan Bahasa Arab.²²¹

Pelajaran Satu buku Tamhid Al-Baghdadi dimulakan dengan perkataan ‘SA’, ‘JA’ dan ‘DA’ di bahagian struktur²²² di mana pada pelajaran ini, pelajar akan terus diperkenalkan dengan satu kalimah yang sekaligus memperkenalkan kombinasi tiga huruf

²¹⁸ Prinsip-prinsip asas tersebut adalah: 1. Keupayaan mengenal dan membaca 29 huruf *Hijāiyyah* dengan baik. 2. Kemampuan membaca tanda baris asas bacaan (*fathah*, *kasrah* dan *dammah*). 3. Kemahiran menguasai tanda baris dua bacaan (*tanwīn*). 4. Keupayaan mengenal tanda bacaan panjang (*mad*). 5. Kemampuan membaca tanda bacaan mati (*sukūn*). 6. Kemahiran menguasai tanda bacaan berganda (*sabdu*). Lihat Jalaluddin, *Tamhid Al-Baghdadi*, iii.

²¹⁹ Dua versi tersebut adalah versi kanak-kanak yang dikenali sebagai buku Tamhid Pra Sekolah (kanak-kanak) dan versi eksklusif iaitu buku Tamhid Edisi Khas (dewasa). Sukatan keduanya adalah sama, namun yang membezakan adalah buku Tamhid versi kanak-kanak diserikan dengan ilustrasi kartun di bucu setiap halaman. Manakala buku Tamhid eksklusif pula adalah pada kualiti kulit bukunya yang kalis air. Ustaz Muhamad Azuan bin Khairudin (Perunding ATCKL), temubual bersama dengan penulis, 20 Disember 2012.

²²⁰ Pemilihan ketiga-tiga kombinasi warna ini adalah kerana ianya merupakan warna yang mudah dikenali oleh kanak-kanak. Ustaz Farhan Hj. Alias, Penceramah, Kursus Perunding Teknik Al-Baghdadi, Yayasan Al-Baghdadi, Prima Gombak pada 17-18 November 2012.

²²¹ *Ibid.*

²²² Kalimah di bahagian struktur sebenarnya merupakan struktur yang digunapakai merujuk kepada kebiasaan kanak-kanak yang mudah mempelajari perkataan seperti bola, emak, ayah, susu dan sebagainya ketika mereka mula-mula boleh bercakap, namun mereka hanya mengetahui ejaan B-O-L-A tersebut ketika berada di tadika atau ketika darjah satu di sekolah rendah. Ini jelas menunjukkan bahawa kanak-kanak lebih mudah mempelajari sesuatu dalam bentuk kalimah atau struktur. Jalaluddin dan Arlinda, “Teknik Al-Baghdadi”, 12.

daripada 28 huruf yang boleh menerima tanda bacaan kecuali huruf Alif. Tiga huruf ini dipersembahkan dalam bentuk SAS (Struktur, Analisis, Sintesis).²²³ Struktur tersebut kemudiannya dianalisis satu persatu bunyi yang terdapat padanya seperti bacaan pendek (huruf-huruf *Hijāiyyah* berbaris *fathah*, *kasrah* dan *dammah*), bacaan panjang (huruf-huruf *Hijāiyyah* bertemu huruf-huruf *mad* iaitu Alif, Waw dan Ya') dan bacaan *tanwīn* (huruf-huruf *Hijāiyyah* bertemu dengan tanda baris dua di atas, tanda baris dua di bawah dan tanda baris dua di hadapan) yang mana kesemuanya mengandungi 9 bunyi asas bagi setiap 28 huruf-huruf *Hijāiyyah*. Setelah dianalisis, bunyi-bunyi tersebut digabung-jalin (sintesis) bagi menjelaskan kepada pelajar bahawa bunyi asas yang diperkenalkan pada peringkat struktur tadi boleh membentuk pelbagai lagi bunyi yang mungkin, di mana bunyi-bunyi inilah yang menjadi asas kepada pembentukan ayat-ayat yang terdapat dalam 30 juzuk al-Quran.²²⁴

Begitulah seterusnya proses yang sama berlaku dalam Pelajaran 1 hingga Pelajaran 5. Sukatan pelajaran di dalam buku ini turut menyediakan latihan 1, 2 dan 3 selepas Pelajaran 5. Ini adalah bagi mengukuhkan lagi kemahiran menyebut yang diselarikan dengan ketukan. Dari situ pelajar akan faham bahawa 1 ketukan yang diketuk adalah untuk hak bagi 1 huruf. Sekiranya perkataan itu mengandungi lima huruf, maka jumlah ketukan di situ adalah 5 kali ketuk juga seperti perkataan *مَنْ كَانَ*²²⁵. Latih tubi yang dilakukan terhadap latihan-latihan yang disediakan di dalam buku *Tamhid* ini adalah dengan cara membaca beserta ketukan dari kanan ke kiri setiap baris bermula dari baris atas ke bawah, seterusnya membaca diiringi ketukan pada baris atas ke bawah bermula dari kolum pertama hingga ke akhirnya. Pengulangan secara tidak tersusun ini adalah untuk memberi kemahiran

²²³ *Ibid.*

²²⁴ *Ibid.*, 12-13.

²²⁵ Jalaluddin, "*Tamhid Al-Baghdadi*", 9.

mengingat dan mengecam tanpa memberikan peluang pelajar menghafaz setiap perkataan. Pembelajaran diteruskan lagi kepada baki huruf-huruf dari pelajaran yang sebelumnya iaitu huruf-huruf *Hijāiyyah* yang merupakan huruf-huruf pinjaman dari perkataan Bahasa Arab adalah ث، ز، ذ، ش، ع، ف، ح، ص، ض، ط، ظ، ق، خ، غ .

Pelajar juga akan diperkenalkan kepada bacaan berbaris, bacaan *sukūn* dan bacaan *sabdu* yang mana susunan huruf-huruf *Hijāiyyah* yang menerima tanda berbaris, *sukūn* dan *sabdu* adalah mengikut susunan huruf-huruf di bahagian struktur dari pelajaran 1 hingga pelajaran 9. Di akhir pembelajaran, pelajar dilatih membaca *Isti'āzah*, *Basmalah*, surah al-Fātiḥah, surah an-Nās, surah al-Falaq, surah al-Ikhlāṣ, surah al-Masad, surah an-Naṣr, surah al-Kāfirūn dan diakhiri dengan doa tilawah. Pada hemat penulis, susunan 7 surah-surah al-Quran tersebut yang disusun secara songsang adalah untuk memudahkan pelajar membaca surah-surah pendek yang sudah terbiasa didengari oleh mereka seterusnya memahirkan mereka menguasai bacaan al-Quran teknik *Al-Baghdadi* bermula dari surah-surah yang mudah. Manakala di halaman terakhir buku Tamhid pula disediakan penilaian pencapaian yang perlu diisi oleh ibubapa dan guru pelajar-pelajar.²²⁶

3.3.5 Kaedah Alat Ketuk


Alat ketuk yang digunakan di dalam sesi pembelajaran teknik *Al-Baghdadi* merupakan alat bantu mengajar utama yang dicipta dan direka sendiri oleh pengasas teknik ini. Ianya bertujuan supaya pelajar dapat mendisiplinkan setiap bacaan pelajar dengan memberikan satu intonasi ketukan kepada setiap huruf yang dibaca.²²⁷

²²⁶ Penilaian awal dilakukan oleh guru di pusat pengajian, kemudian diikuti dengan penilaian oleh ibubapa di rumah. Jumlah bintang yang diberikan perlulah mengikut tahap penguasaan yang dicapai oleh anak-anak. Lihat Jalaluddin, *Tamhid Al-Baghdadi*, halaman belakang kulit buku Tamhid Al-Baghdadi.

²²⁷ Jalaluddin dan Arlinda, "Teknik Al-Baghdadi", 10.

Alat ketuk ini terdiri daripada ‘papan ketuk’ dan ‘kayu ketuk.’ Terdapat dua lubang pada alat ketuk tersebut di mana ianya berfungsi sebagai jarak ketukan yang sebenarnya mengisi keperluan tempo bacaan seterusnya mewujudkan pola bacaan mengikut intonasi yang ditanam ke dalam diri pelajar. Ketukan sebaiknya dimulakan dari sebelah kanan ke kiri dan ke kanan semula dan seterusnya. Ketukan yang dilakukan akan berterusan mengikut bilangan huruf yang dibaca. Cara ketukan boleh dirujuk di dalam rajah di bawah:

Rajah 3: Cara Penggunaan Alat Ketuk



Sumber: *Diadaptasi dari Kertas Kerja ‘Teknik Al-Baghdadi Pencetus Inovasi Pendidikan Al-Quran’, Seminar Wahyu Asas Tamadun USIM 2011*

Rajah di atas menunjukkan kaedah ketukan yang dilakukan menggunakan alat ketuk. Ketukan akan bermula dari sebelah kanan ke kiri seperti yang ditunjukkan pada anak panah bernombor 1 dan kembali semula ke kiri seperti yang ditunjukkan oleh anak panah bernombor 2 dan begitulah seterusnya. Perlu diingat bahawa ketukan dan bacaan haruslah dilakukan serentak.²²⁸

Bagi menghasilkan bacaan yang *tartil*, pelajar akan dilatih melakukan ketukan menggunakan alat ketuk dengan cara mengangkat kayu ketuk dalam kadar yang tidak terlalu rendah dan tidak terlalu tinggi di antara jarak dua lubang di papan ketuk. Natiujahnya,

²²⁸ *Ibid.*

ketukan yang selari dan seragam akan diperolehi di samping intonasi bacaan yang *tartil* dan sekata dapat dihasilkan.

3.3.6 Kaedah Buku Tajwid Al-Baghdadi

Buku Tajwid Al-Baghdadi merupakan siri pelengkap kepada buku Tamhid Al-Baghdadi dalam Siri Mudah Belajar dan Mengajar al-Quran Al-Baghdadi. Buku Tajwid Al-Baghdadi mengandungi 10 bab pembelajaran yang menekankan prinsip asas dan amali dalam pembelajaran dan pengajaran tajwid al-Quran.²²⁹ Menurut pengasas teknik ini, bahan di dalam buku ini disusun berdasarkan pengalaman beliau mengendalikan kursus kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Quran kepada guru-guru dan ibubapa di seluruh negara selama hampir 8 tahun.²³⁰ Menurutny lagi, kebolehan dan kemampuan seseorang menguasai ilmu tajwid dan asas bacaan yang baik banyak bergantung kepada bagaimana ia menguasai perkara-perkara berikut:

- *Makhraj-makhraj* huruf (tempat keluarnya huruf-huruf *Hijāiyyah* di dalam struktur asas bacaan).
- Menguasai teknik bacaan dan cara menyebut yang jelas dan mudah bagi huruf-huruf yang banyak berubah dari segi bacaannya apabila bertemu dengan huruf-huruf yang lain di dalam sesuatu ayat al-Quran seperti huruf Nun, Mim dan sebagainya.
- Keupayaan menguasai tanda dan bacaan *waqaf* (cara berhenti dan menyambung perkataan).²³¹

Buku Tajwid Al-Baghdadi ini memberi tumpuan kepada pengenalan asas bacaan dan asas hukum tajwid secara ringkas dan mudah dengan menjauhkan para pelajar daripada

²²⁹ Jalaluddin, *Tajwid Al-Baghdadi*, iii.

²³⁰ *Ibid*, i.

²³¹ *Ibid*, iii.

hafalan teori tajwid yang agak kompleks. Pendekatan asas yang turut digunakan di dalam buku Tajwid Al-Baghdadi ini adalah tajwid amali bagi setiap bacaan dan hukum tajwid dengan susunan pembelajaran yang ringkas, penumpuan kepada hukum serta ilustrasi yang menarik bagi memudahkan para pelajar memahami sesuatu bentuk bacaan dan hukum dengan lebih jelas. Justeru, dengan pendekatan yang digunakan ini diharapkan mampu memberi kesan yang lebih baik kepada individu-individu yang ingin menguasai asas tawjid al-Quran dalam tempoh yang singkat.²³²

Pelajaran buku Tajwid Al-Baghdadi dimulakan dengan pengenalan tulisan dan sebutan huruf-huruf *Hijāiyyah* yang perlu dikuasai terlebih dahulu kemudian penekanan diberikan pula kepada *makhraj* huruf yang meliputi struktur asas *makhraj* huruf.²³³ Ilustrasi tempat keluar *makhraj* huruf disertakan bagi memberi faham kepada pelajar kedudukan sebenar tempat keluar *makhraj-makhraj* huruf tersebut. Pelajar turut didedahkan kepada bacaan Alif Lam Qamariyyah, Alif Lam Shamsiyyah, bacaan Nun *sukūn* dan *tanwīn* bacaan *Izhār Ḥalqi*²³⁴, bacaan *Idghām Bi Ghunnah*²³⁵, bacaan *Idghām Bi Lā Ghunnah*²³⁶, bacaan *Iqlāb*²³⁷ serta bacaan *Ikhfā' Ḥaqiqi*²³⁸.

²³² *Ibid.*

²³³ Struktur asas *makhraj* huruf adalah bibir mulut, lidah, rongga mulut, rongga kerongkong dan rongga hidung. *Ibid.*

²³⁴ Hukum bacaan *Izhār Ḥalqi* berlaku apabila Nun mati atau *tanwīn* bertemu dengan salah satu huruf *Izhār* yang enam iaitu (ء هـ ع، ح، غ، خ). Cara bacaannya adalah dengan menjelaskan sebutan Nun mati atau *tanwīn* tersebut. Lihat Jalaluddin, *Tajwid Al-Baghdadi*, 11.

²³⁵ Apabila Nun mati dan *tanwīn* bertemu dengan salah satu huruf berikut (ي، ن، م، و)، maka hukumnya adalah *Idghām Bi Ghunnah*. Cara bacaannya adalah dengan memasukkan bunyi Nun mati atau *tanwīn* ke dalam huruf selepasnya beserta dengung. *Ibid.*, 12.

²³⁶ Apabila Nun mati dan *tanwīn* bertemu dengan salah satu huruf berikut (ل، ر)، maka hukumnya adalah *Idghām Bi Lā Ghunnah*. Cara membacanya ialah dengan memasukkan bunyi Nun mati atau *tanwīn* ke dalam huruf selepasnya tanpa dengung. *Ibid.*, 13.

²³⁷ Apabila Nun mati dan *tanwīn* bertemu dengan huruf Ba', maka hukumnya adalah *Iqlāb*. Cara bacaannya adalah dengan menukarkan bacaan Nun mati atau *tanwīn* kepada Mim. *Ibid.*

²³⁸ Apabila Nun mati dan *tanwīn* bertemu dengan salah satu huruf *Ikhfā'*, maka bacaannya ialah *Ikhfā' Ḥaqiqi*. Cara membacanya adalah dengan menyembunyikan sebutan Nun mati atau *tanwīn* di sisi huruf selepasnya beserta dengung. *Ibid.*, 14.

Pelajar juga turut diajar bacaan Mim mati yang dimulai dengan bacaan *Idghām Mithlain*²³⁹, bacaan *Ikhfā' Shafawi*²⁴⁰, bacaan *Izhār Shafawi*²⁴¹, pengenalan kepada bacaan-bacaan *mad* yang meliputi *Mad Aşli*²⁴², *Mad 'Āriḍ li as-Sukūn*²⁴³, *Mad 'Iwāḍ*²⁴⁴, *Mad Līn*²⁴⁵, *Mad Badal*²⁴⁶, *Mad Tamkīn*²⁴⁷ dan *Mad Şilah Qaşīrah*²⁴⁸. Seterusnya diajarkan bacaan *mad* 4 harakat iaitu *Mad Wājib Muttaşil*²⁴⁹, *Mad Jāiz Munfaşil*²⁵⁰, *Mad 'Āriḍ li al-Sukūn*, *Mad Līn* dan *Mad Şilah Ṭāwilah*²⁵¹. Begitu juga pada bacaan yang mengandungi bacaan *mad* 5 harakat yang terdiri daripada *Mad Wājib Muttaşil*, *Mad Jāiz Munfaşil* dan *Mad Şilah Ṭāwilah*. Manakala pada bacaan *mad* 6 harakat pula, pelajar didedahkan kepada jenis-jenis *mad* iaitu *Mad 'Āriḍ li al-Sukūn*, *Mad Līn*, *Mad Farq*²⁵² dan *Mad Lāzim*²⁵³.

Pembelajaran diteruskan terhadap pengenalan huruf-huruf *Muqaṭṭa'ah*, cara membaca huruf-huruf *Hijāiyyah* yang terdapat di awal 29 buah surah di dalam al-Quran

²³⁹ Apabila Mim mati bertemu dengan huruf Mim, maka bacaannya adalah *Idghām Mithlain Şaghīr*. Cara membacanya adalah dengan memasukkan Mim yang pertama ke dalam Mim yang kedua. *Ibid*, 17.

²⁴⁰ Apabila Mim mati bertemu dengan huruf Ba', maka hukum bacaannya adalah *Ikhfā' Shafawi* dan cara membacanya dengan menyembunyikan sebutan huruf Mim beserta dengung. *Ibid*.

²⁴¹ Apabila Mim mati bertemu dengan salah satu daripada huruf *Izhār Shafawi* (iaitu semua huruf *Hijāiyyah* kecuali م dan و, maka hukum bacaannya ialah *Izhār Shafawi* yang perlu dibaca dengan menjelaskan sebutan huruf Mim yang mati tanpa dengung. *Ibid*, 18.

²⁴² *Mad Aşli* terjadi apabila terdapat tanda baris di atas (*fathah*) sebelum huruf Alif atau tanda baris bawah (*kasrah*) sebelum huruf Ya' atau tanda baris hadapan (*dammah*) sebelum huruf Wau. *Ibid*, 20.

²⁴³ *Mad 'Āriḍ Li al-Sukūn* terjadi apabila disukunkan huruf akhir sesuatu kalimah kerana berhenti bacaan padanya dan sebelumnya terdapat huruf *mad*. *Ibid*.

²⁴⁴ *Mad 'Iwāḍ* terjadi apabila berhenti bacaan pada kalimah yang berbaris *tanwīn* dua di atas. *Ibid*.

²⁴⁵ *Mad Līn* berlaku apabila huruf Waw dan Ya' yang *sukūn* sebelumnya huruf berbaris di atas dan selepasnya huruf *sukūn* kerana berhenti bacaan padanya. *Ibid*.

²⁴⁶ *Mad Badal* berlaku apabila bertemu dua huruf Hamzah yang pertama berbaris dan yang kedua *sukūn*, maka Hamzah yang kedua ditukarkan kepada huruf *mad* mengikut tanda baris Hamzah yang pertama. Hukum ini perlu dibaca pada kadar dua harkat sahaja. *Ibid*.

²⁴⁷ *Mad Tamkīn* adalah huruf Ya' bersabdu dan berbaris di bawah diikuti selepasnya dengan huruf Ya' *mad*. *Ibid*, 21.

²⁴⁸ *Mad Şilah Qaşīrah* berlaku apabila bacaan Ha' ḍamir (ـه) bertemu dengan selain huruf Hamzah. *Ibid*.

²⁴⁹ *Mad Wājib Muttaşil* berlaku apabila huruf *mad* bertemu dengan huruf Hamzah di dalam satu kalimah. *Ibid*.

²⁵⁰ *Mad Jāiz Munfaşil* berlaku apabila huruf *mad* bertemu dengan huruf Hamzah di dalam dua kalimah. *Ibid*.

²⁵¹ *Mad Şilah Ṭāwilah* berlaku apabila bacaan Ha' ḍamir bertemu dengan huruf Hamzah. *Ibid*.

²⁵² *Mad Farq* adalah bacaan *mad* yang terdapat pada huruf Hamzah *Istifhām* di awal kalimah. *Ibid*, 22.

²⁵³ *Mad Lāzim* terbahagi kepada dua iaitu: 1) *Mad Lāzim Kalimi* berlaku apabila datang selepas huruf *mad* huruf yang bertanda *sukūn* asli dalam satu kalimah. 2) *Mad Lāzim Ḥarfi* berlaku apabila datang selepas huruf *mad* tanda bacaan *sukūn* asli di dalam satu huruf. *Ibid*.

dan terdiri daripada 14 huruf *Hijāiyyah* kesemuanya, cara bacaan tanda *waqaf*²⁵⁴, bacaan yang pelbagai seperti bacaan *Lafz al-Jalālah*²⁵⁵, bacaan *waqaf* di hujung kalimah dan juga bacaan *tanwin* bertemu *sukūn*. Di halaman berikutnya, latihan bacaan tajwid amali²⁵⁶ pada surah Āli Imran ayat 154 dan surah al-Fath ayat 29 disediakan.

3.3.7 Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran teknik *Al-Baghdadi*

Menurut amalan kebiasaan, sebelum pengajian dimulakan, pelajar akan dinilai bacaan mereka terlebih dahulu, seterusnya mereka akan dibahagikan ke dalam kumpulan berdasarkan penilaian yang telah dijalankan. Ini bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran yang mana kumpulan pelajar mahir dan lemah akan dipandu oleh perunding-perunding atau tenaga pengajar yang bertauliah. Dari sudut pengajaran dan pembelajaran, setiap bunyi perkataan yang terdapat di dalam sukatan pelajaran buku Tamhid akan dibaca beramai-ramai terlebih dahulu sehingga mahir di bawah seliaan perunding atau tenaga pengajar. Terdapat beberapa unsur psikologi pengajaran yang diaplikasikan ketika proses membaca ini umpamanya persaingan antara kumpulan iaitu pelajar akan dipecahkan ke dalam kumpulan seterusnya membuat latihan tubi di dalam kumpulan masing-masing. Proses pertama ini boleh diperkukuhkan lagi dengan penggunaan Kad Al-Baghdadi.

Setelah pelajar mahir membaca bunyi yang telah diperkenalkan tadi, langkah kedua adalah membaca secara serentak dengan intonasi ketukan. Di sinilah sebenarnya pengulangan dan latihan tubi berlaku yang mana pelajar perlu membaca dan mengetuk secara serentak dengan menggunakan alat ketuk. Penyamaan ketukan yang dihasilkan ini

²⁵⁴ Tanda waqaf seperti berhenti *lāzim*, harus berhenti, dilarang berhenti, harus berhenti tetapi menyambung bacaan lebih baik, harus berhenti dan berhenti lebih diutamakan serta harus berhenti pada salah satu tanda *waqaf*. *Ibid*.

²⁵⁵ *Lafz al-Jalālah* hendaklah dibaca nipis apabila huruf sebelumnya berbaris di bawah dan dibaca tebal apabila huruf sebelumnya berbaris di atas atau di hadapan. *Ibid*, 25.

²⁵⁶ Melalui bacaan tajwid amali pada ayat ini, pelajar dikehendaki mengeluarkan hukum-hukum tajwid yang telah dipelajari dari ayat-ayat tersebut. *Ibid*.

sebenarnya dari sudut psikologinya mampu menghasilkan proses pengulangan bacaan bunyi-bunyi tersebut. Tanpa disedari, pelajar tersebut akan mengulang bacaan beratus-ratus kali tanpa rasa jemu.²⁵⁷ Proses pengulangan yang berlaku ini boleh dikatakan sebagai pendekatan yang mempraktikkan penggunaan ‘Minda Bawah Sedar’ (*Subconscious Mind*).²⁵⁸ Pada langkah yang terakhir, pelajar diminta membaca semula bunyi-bunyi yang sama tanpa menggunakan alat ketuk.²⁵⁹

3.3.8 Bahan Bantu Mengajar Teknik *Al-Baghdadi*

Sebanyak 5 alat bantu mengajar teknik *Al-Baghdadi* yang direka khas oleh pengasas teknik ini. Setiap alat bantu mengajar ini secara tidak langsung membantu meningkatkan penguasaan para pelajar terhadap teknik ini sekaligus memberikan keseronokkan dalam pengajaran dan pembelajaran teknik *Al-Baghdadi*. Di antara alat bantu mengajar yang disediakan adalah seperti berikut:

3.3.8 (a) Buku Aktiviti Tamhid *Al-Baghdadi*

Buku aktiviti Tamhid *Al-Baghdadi* mempunyai 9 jilid²⁶⁰ yang berasingan dan merupakan buku yang menerapkan aktiviti pengukuhan kepada pelajar yang baru belajar al-Quran dalam usaha memantapkan lagi penguasaan mereka terhadap pembelajaran membaca al-Quran. Siri buku latihan yang diterbitkan ini bertujuan memberikan suatu aktiviti

²⁵⁷ Jalaluddin, *Tajwid Al-Baghdadi*, 9.

²⁵⁸ Tujuan pengulangan beratus-ratus kali ini juga adalah untuk membiasakan pelajar terus mengenali huruf dan sebutan tanpa mengeja lagi. Ini bermakna, apabila pelajar melihat sesuatu patah perkataan, secara automatiknya mereka sudah boleh menyebut perkataan tersebut hasil dari kuasa minda bawah sadar yang diterapkan. En. Muhamad Khairul Arifin bin Ilias (Timbalan Pengarah ATCKL), dalam temubual dengan penulis, 11 November 2012.

²⁵⁹ Ini kerana, objektif yang ingin dicapai sebenarnya adalah bacaan yang telah didisiplinkan menggunakan alat ketuk pada langkah yang kedua tadi. Bacaan bunyi-bunyi yang tepat akan dapat dihasilkan dengan memberikan hak kepada setiap huruf yang dibaca sekaligus melahirkan bacaan yang *tartil* dan lebih jelas serta tepat kadar harakatnya. Lihat Jalaluddin, *Tajwid Al-Baghdadi*, 9.

²⁶⁰ Setiap kulit buku bagi jilid-jilid buku aktiviti ini mempunyai warna yang berbeza. Lihat Jalaluddin bin Hassanuddin, *Buku Aktiviti Tamhid Al-Baghdadi 1*, (cet. Pertama, Batu Caves, Selangor: Syihab Resources, 2011), halaman hadapan kulit buku.

pengukuhan dan pengkayaan asas-asas bentuk dan bunyi huruf-huruf *Hijaiyyah* terutamanya terhadap kanak-kanak sepertimana yang terdapat dalam buku Tamhid Al-Baghdadi.²⁶¹

3.3.8 (b) Set Al-Baghdadi Playtime²⁶²

Set Al-Baghdadi Playtime merupakan satu modul yang dihasilkan oleh pengasas teknik ini sebagai pelengkap dan bertujuan mengukuhkan daya ingatan pelajar terhadap penguasaan bunyi-bunyi asas al-Quran yang terdapat dalam buku Tamhid Al-Baghdadi. Ianya berupa set 6 keping permainan kreatif yang mempunyai tema dan konsep permainan yang berbeza. Set permainan kreatif ini disusun bagi mencakupi kesemua 5 domain²⁶³ yang diperlukan untuk memaksimumkan sepenuhnya penumpuan pelajar terhadap pembelajaran. Kesemua domain tersebut dijana sepenuhnya melalui penggunaan warna, bentuk huruf, mekanisme permainan, sebutan huruf dan bunyi bacaan berintonasi serta pelbagai lagi dalam aktiviti pembelajaran Set Al-Baghdadi Playtime.²⁶⁴

3.3.8 (c) Cakera Padat Al-Baghdadi

Cakera Padat Al-Baghdadi berjudul ‘Devotees 336 Sebutan Asas Huruf-huruf Hijaiyyah’ memuatkan sebanyak 11 buah lagu. Cakera padat ini dinyanyikan oleh kumpulan Devotees yang terdiri dari 4 orang anak muda²⁶⁵ serta turut diceriakan oleh 4 orang Devotees junior²⁶⁶. Lirik-lirik lagu di dalam cakera padat ini merupakan lirik yang digubah

²⁶¹ *Ibid*, halaman belakang kulit buku.

²⁶² Jalaluddin dan Arlinda, “Teknik Al-Baghdadi”, 11.

²⁶³ 5 Domain tersebut adalah: 1. Domain Audio (pendengaran). 2. Domain Visual (penglihatan). 3. Domain Kognitif (proses aktif minda untuk memperolehi pengetahuan dan mendorong seseorang untuk belajar). 4. Domain Efektif (melibatkan perasaan, nilai yang dipegang, sensitiviti dan persepsi individu). 5. Domain Psikomotor (pergerakan tubuh atau apa sahaja pergerakan aktiviti dalam bentuk tingkahlaku). *Ibid*, 11.

²⁶⁴ *Ibid*.

²⁶⁵ Mereka adalah Adi Akmal Sehrom, Abdul Halim Ahmad, Muhammad Mohd Tawil dan Ahmad Shauqi Abu Kashim.

²⁶⁶ Mereka adalah adik Muhammad Izzi bin Jalaluddin, adik Muhammad Irfan bin Jalaluddin, adik Muhammad Iman bin Jalaluddin dan adik Muhammad Aqil bin Jalaluddin.

berdasarkan sukatan pelajaran di dalam buku Tamhid Al-Baghdadi yang merangkumi 11 pelajaran. Susunan muzik serta iringan lirik lagu yang ceria mampu membuatkan pelajar tertarik mendengarnya sekaligus mudah untuk dihafal. Dengan lahirnya cakera padat ini sudah tentunya memudahkan lagi proses pembelajaran khususnya kepada kanak-kanak walaupun hanya mendengar lirik lagu tanpa mengenali huruf-huruf *Hijāiyyah* terlebih dahulu. Natijahnya, apabila mula mempelajari buku Tamhid Al-Baghdadi, secara tidak langsung pelajar yang hanya mendengar tadi sudah mampu mengingat huruf-huruf *Hijāiyyah* apatah lagi terhadap huruf-huruf yang membentuk perkataan disebabkan terkesan dari mendengar cakera padat ini.

3.3.8 (d) Kad Imbasan Al-Baghdadi²⁶⁷

Kad Al-Baghdadi atau Kad Imbasan disusun dan dicipta oleh Puan Erni Yentti binti Amir yang dilahirkan pada 24 September 1981 di Ipoh, Perak.²⁶⁸ Kad Al-Baghdadi ini merupakan alat pembelajaran yang direka khusus untuk kanak-kanak yang mana alat ini membolehkan mereka bermain sambil belajar secara tidak langsung. Kad Al-Baghdadi mempunyai sebanyak 312 keping bagi 11 kelompok pembelajaran asas al-Quran. Ianya juga terdiri daripada dua warna iaitu kuning cair dan ungu muda. Kad Al-Baghdadi yang berwarna kuning cair menunjukkan bunyi yang terdapat pada kad tersebut perlu dibaca dengan dua intonasi ketukan, manakala bunyi yang terdapat pada Kad Al-Baghdadi yang berwarna ungu muda pula dibaca dengan satu intonasi ketukan sahaja.

Kedua-dua warna yang diaplikasikan pada Kad Al-Baghdadi ini secara tidak langsung dapat mengukuhkan visualisasi pelajar dengan memudahkan mereka untuk mengingati bunyi-bunyi yang terdapat di dalam pelajaran teknik *Al-Baghdadi*. Kad Al-

²⁶⁷ Jalaluddin dan Arlinda, "Teknik Al-Baghdadi", 11.

²⁶⁸ Anuar Bin Basir, "Kaedah Pembelajaran Al-Quran", 12.

Baghdadi ini juga mengandungi Buku Panduan lengkap untuk guru dan ibubapa termasuk 12 permainan kreatif. ‘Blue Tack’ turut disediakan bagi mempelbagaikan aktiviti permainan. Pendekatan bermain sambil belajar seperti yang diketengahkan ini adalah sangat efektif dan boleh memberi impak yang cepat khusus kepada kanak-kanak dalam menguasai pembacaan al-Quran sedari kecil lagi.

3.3.8 (e) Kit Box Al-Baghdadi

Kit Box Al-Baghdadi atau Kit Box Aladin Playtime juga merupakan alat pembelajaran yang direka khusus untuk kanak-kanak. Kit Box Aladin ini mengandungi 2 buah dadu dan 4 *bean bag* bagi permainan Aladin. Bagi permainan Aladin pula, ianya mengandungi 6 keping permainan Aladin bersaiz 3’x4’. Kesemua alat permainan yang mengisi Kit Box Aladin ini adalah selamat dan tidak merbahaya digunakan oleh kanak-kanak. Secara tidak langsung, sesi pembelajaran yang berlangsung akan lebih menambahkan keceriaan kepada kanak-kanak.

3.3.9 Penulisan Semula Huruf-huruf *Hijāiyyah* Dan Kalimah

Dari sudut penulisan semula huruf-huruf *Hijāiyyah* dan kalimah, ianya dilakukan di dalam sesi P&P dengan menggunakan Buku Aktiviti Tamhid Al-Baghdadi. Bagi mempelbagaikan lagi aktiviti ini, tenaga pengajar/perunding turut juga menulis huruf-huruf *Hijāiyyah* di papan putih seterusnya disalin oleh murid-murid di atas kertas yang disediakan. Kebiasaannya, aktiviti ini hanya dilakukan terhadap kumpulan yang lemah sahaja dan mereka yang masih di peringkat permulaan mempelajari teknik bacaan al-Quran.²⁶⁹

²⁶⁹ Ustaz Muhamad Azuan bin Khairudin (Perunding ATCKL), dalam termubual dengan penulis.

3.3.10 Pengulangan Huruf, Perkataan atau Ayat Yang Dibaca

Sebagaimana yang telah penulis nyatakan sebelum ini, pengulangan huruf, perkataan atau ayat yang dibaca oleh pelajar-pelajar yang mempelajari teknik ini adalah mereka telah mengulangi sesuatu pelajaran beratus-ratus kali tanpa jemu tanpa mereka sedari yang tujuannya adalah untuk membiasakan pelajar terus mengenali huruf dan menyebutnya tanpa mengeja lagi.

3.3.11 Peruntukan Bilangan Jam Yang Diajar

Jumlah jam yang ditetapkan untuk mempelajari asas bacaan al-Quran teknik *Al-Baghdadi* di ATCKL adalah selama 6 jam seminggu iaitu dua jam sekali pertemuan dalam sehari. Ini bermakna, pelajar akan mengikuti pengajian asas *Al-Baghdadi* selama 3 hari seminggu manakala tempoh pengajian adalah selama 2 hingga 3 bulan. Namun, sekiranya pelajar memilih untuk mempelajari teknik ini di ATCKL pada musim cuti persekolahan yang panjang, ATCKL turut menyediakan program Intensif Smart Quran yang tempoh pengajian program ini kebiasaannya dilaksanakan selama 3 minggu (4 hari seminggu selama 4 jam bagi setiap pertemuan).

3.4 Kesimpulan

Berdasarkan pengamatan penulis sepanjang penulisan di dalam bab ini iaitu mengenai metodologi bacaan al-Quran yang digunakan samada melalui teknik *Iqra'* atau *Al-Baghdadi*, dapat penulis simpulkan bahawa kaedah bacaan al-Quran yang terdapat di dalam buku *Iqra'* adalah amat sesuai diajarkan dan digunakan oleh mana-mana pelajar. Ini adalah kerana sukatan setiap jilid yang disusun secara bertahap dan pengulangan latih tubi yang banyak di setiap halaman yang disediakan mampu memberi penguasaan yang maksima

terhadap seseorang pelajar. Penggunaan bahan bantu mengajar yang disediakan juga turut membantu memberi sokongan terhadap penguasaan pelajar yang mempelajari teknik ini.

Tidak kurang juga kaedah bacaan al-Quran yang terdapat di dalam teknik *Al-Baghdadi* merupakan pendekatan belajar al-Quran yang telah diberi nafas baru di samping mengambilkira keperluan pelajar-pelajar masa kini yang lebih menumpukan kepada pembelajaran secara santai dan menyeronokkan. Penyusunan sukatan yang ringkas serta mencakupi keseluruhan panduan belajar membaca al-Quran yang disusun di dalam buku yang digunapakai menonjolkan keistimewaan mempelajari teknik ini. Lebih menarik lagi, pembelajaran di peringkat asas bacaan al-Quran teknik *Al-Baghdadi* yang menggunakan ‘alat ketuk’ sebagai alat bantu mengajar mampu memaksimumkan lagi penguasaan membaca al-Quran dengan cepat dalam kalangan pelajar.

Secara keseluruhannya, metodologi pembelajaran al-Quran yang disusun oleh pengasas teknik *Iqra’* dan *Al-Baghdadi* ini sudah pastinya mempunyai objektifnya yang tersendiri sehinggakan mampu menterjemahkan setiap inci keistimewaan dan kelebihan terhadap teknik yang diasaskan sekaligus mendatangkan manfaat yang besar buat mereka yang memilih untuk mempelajarinya.